

**Volume III
No. 27**



**Saturday
13th January, 1962**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)**

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 2821]

THE SUPPLY BILL, 1962—

**Committee of Supply (Third Allotted Day):
Head 12 [Col. 2822]**

DI-TERBITKAN OLEH THOR BENG CHONG
PEMANGKU PENCETAK KERAJAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
1962

Harga: 50 Sen

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Saturday, 13th January, 1962

The House met at Half-past eleven o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).

The Honourable ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).

- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- .. ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- .. ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- .. ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- .. ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu)
- .. ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- .. ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- .. ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- .. ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- .. ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- .. ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- .. DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- .. ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

The Honourable TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

- „ ENCHE' NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
P.M.N. (Johor Timor).

- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).
- „ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).

The Honourable the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

nevertheless, at the insistence of the Staff Side, Government has agreed to refer the claim to arbitration.

ORAL ANSWER TO QUESTION

**Malayan Technical Services Union—
Revision of Salary**

Enche' V. David (Bungsar) asks the Prime Minister to state the reasons why the Government has refused to refer the claims of the Malayan Technical Services Union to arbitration.

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, the Government did not consider that the whole group of employees classified as technicians and junior technicians have a just claim for arbitration for revision of salary, but,

BILL

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Third Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head 12—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$15,426,674 for Head 12 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambong sa-mula ucapan yang telah di-bentangkan dalam Majlis ini saya rasa sangat² sukachita. Tetapi ada satu perkara yang saya suka menarek perhatian kepada Kementerian ini ia-itu bersangkut dengan pegawai² perempuan. Pada hari ini saya dapat tahu di-mana² juga kampung sa-kira-nya ada penerangan² yang di-beri kepada kaum² ibu bersangkut dengan hendak menggalakkan kerjasama ini kaum ibu-lah yang mengambil peranan yang penting juga bagi memajukan sharikat kerjasama ini. Tetapi pegawai² yang ada pada hari ini kedatangan kekurangan sangat daripada kaum ibu. Saya perchaya kira-nya dapat di-tambah pegawai² daripada kaum ibu bagi memajukan sharikat kerjasama ini tentu-lah akan bertambah lebih banyak lagi daripada yang ada pada hari ini.

Chara sharikat kerjasama ini dalam hemat saya kaum ibu-lah yang boleh mengator dan yang boleh beramal chara jimat chermat. Mereka itu chukup amanah dan sentiasa mengambil perhatian dalam hal menyimpan wang pada tiap² bulan. Jadi, saya rasa pegawai² daripada gulongan kaum ibu harus-lah di-tambah dari masa ka-sa-masa. Saya suka-lah mendapat tahu di-antara penambahan yang telah di-adakan pada tahun ini berapa orangkah ada kaum² ibu yang telah diambil. Dan sa-lain daripada itu saya suka berchakap bersangkut paut dengan hal Bank Persatuan dan Bank Agong. Pada tahun² yang telah lalu satu daripada kemundoran sharikat kerjasama ini ia-itu meminta bantuan² kepada Bank² Persatuan, Bank Persatuan pula meminta bantuan kepada Bank Agong Sharikat Kerjasama. Tetapi dengan sebab wang peruntukan pinjaman yang di-untokkan kepada bank² itu tidak menchukupi maka

perkara² yang di-kehendaki oleh sharikat kerjasama itu tidak dapat di-beri dan menjadi tawar hati kepada ahli² sharikat itu dan tidak ada keperchayaan langsung. Pada tahun yang akan datang saya harap kepada Yang Berhormat Menteri, supaya berikhtiar dengan pehak Kerajaan mendapatkan peruntukan pinjaman yang lebih besar daripada tahun² lalu. Satu perkara yang saya rasa mushkil sedikit dalam ucapan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam Meshuarat Agong Bank Persatuan di-Melaka. Boleh jadi pada masa yang akan datang beliau tidak akan berapa melayankan sangat² pinjaman kepada Bank² Agong, dan pinjaman akan di-berikan terus kepada sharikat kerjasama di-kampung². Pada satu segi baik juga pada fikiran Yang Berhormat Menteri itu, tetapi pada satu segi lagi akan merugikan pula kerana perkara yang di-buat sumpama itu Bank Persatuan dan Bank Agong tidak akan mendapat sambutan daripada sharikat kerjasama lagi. Jadi dalam hal ini saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat supaya menghalusi sa-mula di-atas ucapan-nya yang telah di-buat-nya itu, kerana saya takut saloran² pehak sharikat kerjasama yang di-buat peringkat Bank Persatuan dan Bank Agong juga kedua² peringkat itu akan menjadi mundur dan mati.

Saya perchaya dengan saloran kerjasama daripada Sharikat Kerjasama Bank Persatuan dan Bank Agong ini satu puncha harapan daripada penduduk² Luar Bandar bagi memajukan iktisad mereka itu. Sa-lain daripada itu perkara yang saya suka menarek perhatian di-atas chara² hendak menggalakkan sharikat kerjasama di-kampung² sa-bagaimana masa² yang telah lalu sharikat² itu mengalami beberapa kesusahan sumpama buku² untuk alat bagi sharikat mereka dan terpaksa membeli dengan harga yang mahal. Ada sa-tengah² sharikat itu pada kali permulaan membelanjakan untuk membeli alat² ini sa-banyak \$40 kepada \$45, dan kalau sa-kira-nya pehak Ke-

menterian ini boleh mengikhtiarikan untuk mengadakan buku² dengan harga² yang murah maka dapat-lah menchermatkan wang² sharikat ini.

Sa-perkara lagi tentang tempat meshuarat, walau pun pada masa ini Balai Raya telah juga kita buat, tetapi hendak-lah di-utamakan di-kampong² yang telah ada mempunyai sharikat kerjasama kerana masa yang telah lalu sa-buah sharikat kerjasama itu tidak ada tempat hendak mengadakan meshuarat maka meshuarat itu telah di-adakan di-atas rumah dan di-bawah pokok sahaja. Jadi kira-nya Dewan ini mengutamakan tempat² yang ada sharikat kerjasama, rasa saya akan memberi pertolongan yang besar kepada Sharikat² yang tersebut. Dan sa-lain daripada itu saya suka-lah berchakap bersangkut dengan hal Pegawai Tali Ayer di-kawasan saya, walau pun kelmariin saya telah memberi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri itu, tetapi pada hari ini boleh jadi permintaan saya itu akan membosankan kepada Menteri Yang Berhormat itu ia-itu di-Baling dalam kawasan saya sendiri tidak ada sa-orang pun Pegawai Tali Ayer, chuma yang ada di-Sungai Patani, itu pun tugas pegawai itu bukan hanya satu daerah sahaja, tetapi ia menjaga 4 daerah—satu daerah Sungai Patani, Sik, Baling dan Bandar Baharu. Urusan dalam daerah saya di-Baling amat-lah banyak. Jadi, selalu menjadi kesusahan bagi pehak Pegawai Tali Ayer yang menjaga 4 kawasan itu. Saya berharap dapat di-ikhtiarikan dengan sa-berapa chepat sa-orang Pegawai Tali Ayer di-tempatkan di-Baling.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap bersangkut-paut dengan hal forest. Pada hari ini dasar forest ada memberi keutamaan kepada tanah² yang boleh di-buat bendang. Mana² tanah forest yang boleh di-buat bendang maka akan di-beri permit untuk membuka tanah itu. Chara ini rasa saya ada-lah baik juga. Tetapi elok-lah di-perbaiki chara² pemberian itu kerana pehak forest manakala hendak memberi permit kepada orang² kampong itu

tidak menghalusi lagi sama ada orang itu sudah memileki tanah atau tidak. Jadi, saya suka mengeshorkan sa-kira-nya pehak forest hendak memberi sa-kian² tanah luas-nya dalam satu² tempat harus-lah di-buat perundingan dengan Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah. Dalam beberapa ucapan yang telah di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat terdahulu daripada saya ini kita sekarang sangat berhajat kepada tanah untuk di-perbuat bendang. Kita terasa pahit dan sempit sa-kali di-sebabkan kekurangan beras pada masa Jepon dahulu. Walau pun kita menchari jalan untuk memajukan tanaman² yang lain saperti yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi, tetapi yang pertama yang harus kita mengambil perhatian ada-lah berkenaan dengan tanaman padi. Kita telah berikhtiar menanam padi dua kali sa-tahun, tetapi harus-lah Kementerian ini berikhtiar pula untuk menchari tanah² baharu yang boleh di-jadikan sawah padi.

Saya mendapat tahu bahawa sa-tengah² tempat itu kawasan forest-nya ada 100 hingga 1,000 relong yang boleh di-perbuat bendang, dan telah di-keluarkan permit kepada ra'ayat, tetapi ra'ayat tidak berupaya hendak membuka tanah² dengan sempurnanya. Jadi, sa-kira-nya kita boleh memberi peruntukan untuk memajukan tanaman getah maka patut pula kita memberi peruntukan untuk membuka tanah baharu bagi tanaman padi.

Enche' Yahya bin Haji Ahmad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap dalam muka 41, Kepala 12, Item 94 berkenaan dengan Soils Scientist. Saya maksudkan berkenaan dengan Soils Scientist ini ada-lah satu perkara yang sangat mustahak sa-kali. Sekarang di-dalam kawasan saya, Bagan Datoh, banyak tanah² yang boleh di-tanamkan dengan berbagai tanaman, tetapi malang-nya ada satu tempat dalam jajahan sana di-Hilir Perak, 3,000 ekar tanah itu pada permulaan-nya kita sa-bagai Ahli Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar Perak menchadangkan dapat bantuan daripada FLDA, malang-nya

tanah di-kawasan itu tidak dapat diterima oleh FLDA kerana dia berkehendakkan tanah nombor 1 sa-kali. Walau pun pehak yang berkenaan fasal tanah ini sedang menyiasat, tetapi rasa saya tentu-lah tidak begitu lama. Saya harap perkara ini dapat dilancarkan dengan sa-berapa segera supaya dapat mengatasi kesusahan ra'ayat yang laparkan tanah.

Di-dalam kawasan saya lagi di-Bagan Datoh dapat di-perhatikan bahawa boleh-lah saya katakan satu tanah yang subur yang boleh di-tanam berbagai² jenis buah²an, tetapi rasa saya Soils Scientist akan dapat menyiasat apa jenis tanaman yang lebeh sa-suai. Kalau-lah saya menilek dengan tanaman yang ada di-kawasan saya hanya tanaman buah kelapa, tetapi Ahli Yang Berhormat tentu-lah tahu bahawa harga kelapa menurun. Oleh itu rasa saya lebeh baik agaknya kalau dapat Kementerian ini meminta Soils Scientist menyiasat-nya sama ada elok di-tanam limau manis sa-bagaimana limau manis itu boleh menambahkan lagi penghasilan sa-lain daripada buah kelapa. Kalau-lah saya terangkan dalam Majlis ini tentu-lah agak menyedihkan kerana buah kelapa hari ini kurang dan harga-nya turun. Maka ini-lah sebab-nya saya rasa perkara itu akan menambah lebeh berat bahkan bukan sahaja dalam kawasan Bagan Datoh, tetapi juga Sabak Bernam. Kalau-lah Kementerian ini tidak berikhtiar menchari satu jalan lagi sa-bagaimana yang saya chadangkan Soils Scientist ini menyiasat sama ada tanah itu bersesuaian di-tanamkan limau manis atau pun lain² buah²an yang boleh orang² di-situ bergantung nasib-nya bukan sahaja kepada buah kelapa bahkan juga buah² yang baharu yang boleh menambahkan penghasilan mereka.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Item (375) Co-operative Marketing Officers. Ini telah juga di-terangkan oleh sahabat saya dalam Majlis ini betapa mustahak-nya pegawai ini dan berapa mustahak-nya pasaran² ini khas-nya boleh saya katakan di-

kawasan saya yang pada beberapa masa yang lampau kami telah mendirikan sa-buah sharikat yang bermodal berpuluh² ribu ringgit tetapi malangnya dengan sebab tidak ada pasaran ini-lah maka sharikat ini telah menghembuskan napas-nya. Walau pun begitu dengan ada-nya sharikat kerjasama yang tumbuh kalau di-katakan sa-bagai chendawan agak-nya terlampau banyak, tetapi boleh juga saya terangkan di-Bagan Datoh barang kali Yang Berhormat Menteri Pertanian tahu sendiri banyak-nya sharikat² kerjasama dan kami juga telah menchuba mengadakan satu Sharikat Kelapa Kering bagi mengumpolkan segala barang² itu supaya dapat-lah di-jual beramai² supaya bertambah harga-nya, tetapi malangnya pasaran ini tidak juga kami dapati maka terpaksa-lah kami memberi kapada orang tengah sa-bagaimana yang di-katakan oleh wakil Krian sa-bagai orang tengah. Jadi rasa saya sangat-lah saya berharap supaya dapat-lah pegawai ini menjalankan tugas-nya di-samping dapat menjayakan kerjasama yang nombor satu sa-kali bagi menjayakan pasaran ini, kerana itu-lah pasaran-nya yang saya rasa di-mana² juga kalau hendak memajukan sharikat² kerjasama ini tentu-lah kita berkehendakkan pasaran² supaya segala barang² perusahaan yang di-keluarkan oleh orang² kampung yang mempunyai sharikat kerjasama itu tidak-lah akan jadi terbengkalai begitu sahaja.

Dan lagi saya suka hendak berchakap pada Item (378). Saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan kerana pada tahun yang lampau pun saya telah berchakap berkenaan dengan meminta tambahan sa-orang Pegawai Sharikat Kerjasama, tetapi pada tahun ini nampak-nya bertambah sa-banyak 16 orang, tidak-lah saya tahu ada-kah ia hendak menghantar ka-Telok Anson, tetapi saya berharap supaya di-hantar ka-sana kerana Menteri ini tentu-lah tahu bagaimana berat-nya tanggungan pegawai sharikat yang ada di-Telok Anson sana yang menyelenggarakan dua tempat ia-itu di-jajahan Hilir Perak dan Batang Padang, dengan kerana

ada-nya pegawai sharikat kerjasama ini dapat-lah kami di-dua² tempat itu khas-nya dan juga di-tempat lain 'am-nya supaya menjayakan lagi kemajuan² sharikat kerjasama yang akan memberi fa'edah kepada seluruh ra'ayat bahkan saya berharap sharikat kerjasama pada masa akan datang akan lebih² lagi maju dan berjaya untuk memimpin dan untuk mengumpulkan segala bahan² yang dikeluarkan oleh orang² kampung.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam bahagian Research Branch. Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap dahulu daripada saya telah mengemukakan pendapat-nya masing². Dan di-sini saya akan mengemukakan pendapat saya pula. Saya minta Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian dan menyelidek dalam soal pokok Anau. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya pokok ini sangat memberi hasil kepada kita daripada batang-nya hingga-lah kepada pokok dan buah-nya. Ia boleh mengeluarkan gula sa-bagaimana yang ada di-jual di-sa-tengah² negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ini ia-itu gula Anau. Buah-nya boleh di-perbuat berbagai makanan yang lazat rasa-nya saperti halua yang di-buat oleh wanita kita. Pokok ini ada mempunyai ijok dan daripada ijok ini boleh di-buat penyapu rumah, penyapu ini banyak juga di-jual di-merata tempat dalam negeri ini. Pokok-nya yang tua itu mempunyai ruyong kayu yang sangat kuat dan di-pakai untuk buat rumah. Sa-bagaimana terkenal-nya "Pagar Ruyong" kerana ruyong itu daripada pokok Anau ini, Tuan Yang di-Pertua. Pokok ini hanya barangkali tumbuh satu dua batang di-kampung² dengan tidak mendapat pemeliharaan. Jadi saya harap kepada Menteri yang berkenaan mengadakan penyiasatan dalam hal ini. Kalau sa-kira-nya pokok yang banyak memberi hasil kepada kita ini dapat di-perluaskan kawasan-nya, pada masa yang akan datang ia akan mengeluarkan hasil dengan lebih hebat. Sebab sa-bagaimana yang saya telah katakan tadi, sa-lain daripada

kita boleh mengeluarkan gula, barang² saperti penyapu dan buah-nya boleh di-jadikan makanan, yang juga sangat di-sukaï oleh saudara kita bangsa asing ia-itu orang Tionghua.

Yang kedua pokok yang bersamaan dengan pokok Anau ini ia-lah pokok Rumbia. Pokok Rumbia ini sangat memberi hasil, daripada daun hingga-lah kepada pokok-nya semua-nya berguna, Tuan Yang di-Pertua. Daun-nya boleh di-buat atap rumah ia-itu atap Rumbia. Batang-nya mengeluarkan sagu ia-itu sagu Rumbia, yang boleh di-buat makanan, dan ada sa-tengah² negeri, kadang² menggunakan sagu ini satu makanan anak negeri itu sendiri, dan negeri yang banyak sagu ini sa-hingga di-expot ka-luar negeri, Tuan Yang di-Pertua. Di-sini saya ada melihat pokok Rumbia itu di-sa-tengah² tempat nasib-nya sama juga dengan pokok Anau ini, ia-itu tidak berapa di-ambil perhatian untuk menyebar atau membiakkan dengan chara yang luas. Batang pokok Rumbia yang muda itu boleh di-buat makanan binatang ternakan saperti kerbau, lembu dan ayam apabila di-chenchang². Buah-nya juga sedap, Tuan Yang di-Pertua, ia boleh di-buat jerok. Kalau kita potong nipis² dan keringkan, rasa-nya tidak ubah saperti buah apple yang telah di-keringkan, dan ini boleh mendapat penghasilan yang akan menambah mata pencharian ra'ayat di-kampung.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian kepada pokok² Mengkuang dan Pandan. Banyak ra'ayat, terutama di-Pantai Timor dan juga negeri² Melaka dan Johor membuat bermacam² barang daripada daun Mengkuang dan Pandan ini. Sayangnya! saya lihat pokok Mengkuang ini hanya tumbuh di-pinggir dan di-belakang rumah serta di-tepi jalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada di-buat kebun dan di-tanam dengan chara pemeliharaan yang sunggoh² tentang pokok ini. Sebab hasil yang di-keluarkan daripada daun Mengkuang ini telah memberikan

nama yang mashhor kapada Tanah Melayu ini. Mithal-nya, bila ada pertunjukan MAHA di-Kuala Lumpur ini di-bawa-lah barang² perbuatan wanita Pantai Timor yang di-buat daripada daun Mengkuang ini seperti bek yang molek dan chantek, tikar² yang halus, topi dan bermacam² anika barang yang endah dapat diperbuat daripada daun Mengkuang, yang juga dapat menandingi perbuatan tangan negara² luar. Jadi ini ada-lah satu usaha ra'ayat kita yang akan membanggakan tanah ayer kita ini. Dan supaya lebeh hebat dan lebeh luas dan supaya banyak wanita kampung, bukan sahaja di-Pantai Timor tetapi seluroh tanah ayer kita ini akan dapat menggunakan daun² ini untuk membanyakkan hasil daripada barang² yang di-buat dari daun² ini, saya harap Kementerian Pertanian mengusahakan atau menchari jalan bagaimana chara-nya untuk membanyakkan pokok Mengkuang ini dengan memberi penerangan kapada mereka yang menanam-nya itu dengan memberi baja dan sa-bagai-nya, sa-hingga ada tempat khas untuk pokok² Mengkuang dan Pandan dan di-perluaskan dengan hebat-nya. Kerana pokok Mengkuang ini kadang² tinggal puchok-nya sahaja di-atas, daun yang di-bawah-nya telah diambil, dan kadang² daun-nya terkulai dan patah di-tengah. Jadi ini tentu tidak di-gunakan dengan sempurna. Jadi saya harap Menteri yang berkenaan supaya memperhebatkan lagi tumbuhan Mengkuang, Pandan dan Anau serta Rumbia, yang mana akan menambahkan hasil dan mata pencharian ra'ayat dalam tanah ayer ini.

Sekarang saya berpaling kapada bahagian Canning, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu mengetin barang makanan. Dalam soal ini sudah banyak juga saudara saya memberikan buah fikiran-nya, tetapi mungkin ada lagi yang ketinggalan, dan ini pada pendapat saya boleh di-chakapkan lagi. Jadi saya akan berchakap tentang buah²an dalam negeri kita ini. Saya rasa perhatian memang belum di-berikan untuk mengetin buah²an dalam negeri kita

ini. Kalau sa-kira-nya Kerajaan mendirikan factory untuk mengetin makanan yang di-buat daripada buah²-an yang ada dalam negeri kita ini maka bermacam anika warna makanan dalam tin dapat kita keluar-kan dan rasa-nya sedap, mithal-nya, acar, manisan dan sa-bagai-nya. Acar ini di-buat daripada lada hijau, kalau ia di-tinkan walau pun berbulan² dalam tin itu maka ia berderok juga di-makan. Ini menambahkan selera (appetite) orang makan, Tuan Yang di-Pertua.

Lada muda kalau sa-kira-nya di-bagi kapada orang yang tidak suka pedas mithal-nya orang² Eropa maka lada muda itu bukan sahaja di-makan sa-kali tetapi dia mesti menchari dua tiga kali lagi. Ini ada-lah satu propaganda bagi Persekutuan Tanah Melayu. Acar timon, limau nipis, halia atau acar chair, walau pun dia acar chair yang di-dalam-nya berchuka itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia berderok juga. Jadi, ini menambahkan rasa selera bagi orang yang memakan-nya.

Sa-lain daripada itu ada lagi acar rempah, Tuan Yang di-Pertua, di-champur dengan buah limau sebab dia berempah tetapi ini tidak berkuah berderok² di-makan, ini kebanyakan di-buat di-tempat kami di-Johor, Tuan Yang di-Pertua. Sa-kali di-makan menchari lagi (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Ada orang melechor ayer lior-nya. (*Ketawa*).

Che' Khadijah: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua sendiri biasa makan-nya. Jadi saudara² yang lain yang belum pernah menchuba barangkali, kalau dia chuba betul², hendak lagi. Jadi recipe ini kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan belum mengetahui-nya kami boleh menchari kalau sa-kira-nya hendak chuba, maka kalau sa-kira-nya betul boleh, maka kita adakan demi untuk memajukan usaha² dalam negeri kita dan memperlihatkan keada'an makanan recipe ini oleh wanita² di-Tanah Melayu di-luar negeri.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Abdul Aziz bin Ishak): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Perkara itu perkara Development atau pun perkara kemajuan bukan yang ada dalam Estimate ini.

Mr. Speaker: Itu tidak ada bersabit dalam Kementerian dia, jangan-lah di-masokkan.

Che' Khadijah: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya beri pandangan kepada Menteri yang berkenaan sahaja.

Mr. Speaker: Kalau puan hendak berchakap berkenaan dengan peternakan atau tanaman itu boleh saya benarkan sebab itu berkenaan dengan Kementerian-nya. Kalau lain² itu hendak-lah di-buat kepada Kementerian² yang lain.

Che' Khadijah: Tuan Yang di-Pertua, benda ini nampak-nya bagus jadi di-kembangkan pokok² ini, itu maksud saya. Jadi bagaimana hendak di-banyakkan lagi perkara itu, Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Jangan-lah di-panjangkan sangat ka-limah itu.

Che' Khadijah: Terima kaseh. Sekarang beraleh saya ka-halaman 57, Tuan Yang di-Pertua, Sub-head 70 Co-operative Education. Di-dalam soal sharikat kerjasama ini, sudah banyak ada di-antara saudara² Yang Berhormat menyatakan bahawa kaum wanita sa-bagus²-nya, sa-banyak²-nya berusaha dalam soal ini kerana kaum wanita itu sa-betul²—biasa-nya lebeh berjimati chermat dan tekun bekerja serta patoh kepada keputusan yang di-meshuaratkan-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Co-operative Education ini saya minta supaya di-banyakkan course² di-berikan kepada pehak wanita. Barangkali juga tidak mungkin kita mengadakan sa-buah sekolah untuk ini maka saya men-chadangkan kepada pehak Kementerian ini dapat menggunakan Taman Asohan RIDA Kuala Lumpur ia-itu memberikan sa-orang pensharah berkenaan dengan sharikat kerjasama ini sa-bagai

satu mata pelajaran. Bila mereka itu balek sa-telah berlateh kata-lah sa-ramai 60 orang yang ada mempunyai ilmu pengetahuan di-dalam soal sharikat kerjasama, balek ka-kampung sa-bagaimana kata Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar untuk membanyakkan lagi pelajaran di-dalam soal rumah tangga maka sa-jalan dengan itu juga di-tiap² sekolah dewasa tiap² kampung di-adakan satu mata pelajaran bagi sharikat kerjasama. Jadi, tidak payah-lah bagi Kementerian ini mengadakan khas sa-buah sekolah untuk wanita itu tetapi di-minta supaya pehak Kementerian ini mengadakan pelajaran sharikat kerjasama ini di-Taman Asohan RIDA di-Kuala Lumpur itu. Jadi, dengan jalan ini saya rasa pehak sharikat kerjasama di-kampung² lebeh² wanita akan bertambah maju dan akan bertambah ahli²-nya. Sebab sekarang saya nampak ada sharikat² kerjasama, wanita sangat maju di-satu tempat di-Perak sana tetapi ada sa-tengah² tempat pula tidak ada langsung, Tuan Yang di-Pertua. Ini barangkali tidak banyak kaki-tangan wanita atau tidak ada banyak penerangan² untuk wanita di-berikan di-kampung². Jalan sa-bagaimana saya minta tadi itu mungkin barangkali, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat sharikat kerjasama ini berkembang di-bahagian wanita-nya, se-kian Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri bagi menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian ini yang pada pandangan saya dia ada-lah sa-orang daripada Menteri yang paling aktif di-dalam kerja² Kementerian-nya dan banyak mengambil tahu hal² Kementerian-nya. Mudah²an kerja yang di-lakukan oleh Menteri Pertanian ini akan menjadi chontoh kepada Menteri² yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam negeri Kelantan soal menanam padi dua kali sa-tahun ada-lah mendapat sambutan dari ra'ayat dan boleh-lah saya katakan ra'ayat di-Kelantan berterima kaseh-lah kepada Kementerian

ini. Kerana kegiatan dia menjalankan di-dalam usaha² membesarkan tali ayer. Saya percaya beberapa buah projek seperti di-Sungai Lemal dan di-Kemubu apakala siap kelak akan dapat mengadakan kawasan² yang baharu bagi menanam padi dua kali sa-tahun. Tetapi apabila saya dengar penjelasan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat terutama-nya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Baling tentang kekurangan² kaki-tangan dalam Kementerian ini baik pun di-dalam soal sharikat kerjasama atau pun dalam soal parit dan tali ayer maka bertambah yakin-lah saya bahawa peruntukan kepada Kementerian ini ada-lah kurang. Dan ini saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat supaya menggunakan sa-kuat tenaga-nya mudah²an tahun² yang akan datang dapat dia mendesak kepada Menteri Kewangan ini supaya menguntukan kepada Kementerian-nya wang yang lebih daripada tahun ini.

Saperti yang saya katakan bahawa Kementerian Pertanian ada-lah Kementerian yang paling mustahak di-samping Kementerian² Pembangunan Luar Bandar dan sa-bagai-nya. Tuan Yang di-Pertua, telah pun beberapa orang Ahli Yang Berhormat berchakap terutama-nya Ahli Yang Berhormat dari Temerloh, saya rasa sedeh di-hati manakala Yang Berhormat itu membayangkan orang² yang menderita membuka tanah di-Lembah Bilut tentang soal sayoran² tidak mendapat pasaran yang baik di-sana sa-hingga 5 sen sa-kati pun tidak dapat. Timbul tindakan beberapa kali di-Lembah Bikut itu menchabut anak² lada mereka kerana mereka yakin bahawa pokok² yang mereka tanam itu tidak mendapat pasaran yang baik. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini patut mendapat timbangan dari pihak Kementerian ini supaya dapat memberi nasehat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar chara bagaimana nasehat² yang patut di-berikan kepada penduduk² menanam pokok² yang boleh tahan sedikit lama sa-lain daripada

sayoran yang boleh terjamin mendapat pasaran atau marketing.

Boleh-lah di-nasihatkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya ranchangan pembukaan tanah itu berjaya dan dapat-lah di-banggakan oleh ra'ayat negeri ini, supaya di-tanamkan sayor² sa-kadar yang dapat di-jual dan untuk keperluan makan-nya, kemudian sa-lain daripada itu berikhtiar pula menanam jagong, oleh sebab jagong ini, Tuan Yang di-Pertua, tahan lama dan dapat mendatangkan hasil yang baik pada masa akan datang. Sebab ada dunia luar ini mengtinkan jagong ini dan menjadikan makanan yang utama dengan jagong ini.

Dalam ranchangan pembukaan tanah di-negeri Kelantan kami menggerakkan kerana ra'ayat menanam lebih banyak tanaman jenis yang tahan lama seperti jagong dan labu kerana sayor hanya boleh simpan satu hari atau dua hari sahaja dan kemudian layu. Boleh di-katakan $\frac{3}{4}$ daripada kawasan itu sa-lain daripada di-tanam padi mereka menanam jagong. Dan apa yang telah menjadi pengalaman dalam tahun yang pertama itu tidak-lah mengechewakan ra'ayat, sebab jagong itu tahan lama dan pasaran-nya baik dan dapat di-jual untuk menolong kehidupan mereka itu.

Oleh itu, Tuan di-Pertua, saya percaya dengan kebijaksanaan Menteri Yang Berhormat akan dapat memberi kerjasama, mudah²an ini akan memberi manfa'at kepada ra'ayat negeri ini.

Enche' Chan Siang Sun (Bentong):

Mr. Speaker, Sir, I rise to welcome the estimates of expenditure of the Ministry of Agriculture and Co-operatives. Looking through the estimates of this section, we find that great strides had been made in the Department of Veterinary and Fisheries. Here I would say that our Minister not only says but he also does things. Looking through the estimates of all the increased items in this Budget, Sir, I

would have thought that the sum allocated would have been very much higher than expected, but there is an increase of only \$560,000. So, from here, we all believe—and we all agree that a good budget of a country reflects a healthy government—that a sound estimate from a Ministry also reflects the soundness and efficiency of administration of that Ministry. However, Sir, I have some misgivings, and I hope the Minister concerned would give his due consideration to the points raised.

On page 39—Marketing Research Officers. I associate myself here with my colleague from Temerloh, the Member from Larut Utara and other Members who spoke yesterday on the marketing programme. I think the Ministry concerned should pay more attention to the marketing programme, because, as more and more development schemes come up, we will be having more and more produce to sell. I am glad to see here that we have an extra number of Marketing Research Officers, and I hope they will do research, and keep on doing research until they find a satisfactory programme for marketing.

At this stage, Sir, I would also like to give a little information to this House about Bilut Valley, which is in my constituency. The District Rural Development Committee has already set up a *pekan sa-hari* in Bentong, costing about \$8,000, with the object of solving some of the selling problems of these settlers. Sir, if we are going to carry out a bigger sale programme, then this will have to be left to the Ministry of Agriculture to solve. On the district level, I think, we have done our best to help these settlers.

On page 41—Research Branch. A lot has been said about the canning of local fruits in this country. I would like to know whether there is any possibility of getting local fruits dried as is done in the Western countries, e.g., dried grapes, etc., and whether we can do the same with our rambutans, our durians and so forth.

With regard to pineapples, we have done a little research in canning, but I do not know whether there is any suggestion for pineapple juice to be made from pineapples on a large scale. As far as I know, the Australians and the Philipinos like our pineapple juice—they call it the “Glasgow juice of the East”. They have pineapple juice for their breakfast and they have a high praise for this Eastern fruit.

On page 41, Item (94)—Soil Scientists. I believe these are experts on soil chemistry and also soil preservation and erosion. At this stage, Mr. Speaker, Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Minister to some of our land schemes in my constituency. Sir, the District Rural Development Committee has already earmarked two schemes—Janda Baik scheme and Perting Pandak scheme—for the people of Kampong Janda Baik and the new villagers around Bentong town. All the people have been informed that they will be given land some time this year, but unfortunately a report was received from the Department of Agriculture recently saying that these places are not fit for the cultivation of rubber and so forth—it merely states that these places are too steep, and that according to the rules of the National Land Council any land above $18\frac{1}{2}$ degrees are not eligible for planting. We feel that those people who have already been informed that they would get their land would be feeling quite dejected. So, we hope the Ministry concerned will look into this matter, as most of these people are landless and most of them, especially those from Janda Baik, depend for their livelihood on planting padi and fruits. I feel that if the eighteen degrees steepness is the question, I would appeal to the Ministry concerned, or the National Land Council, or the Department concerned to have a look into this matter.

Sir, I have firm reasons to support my argument. Firstly, the land in the Bentong District—and probably most of the land in the Western Pahang—is very hilly in nature; secondly, the only

land available for this fringe alienation is found only in the area near these two places, and we cannot find any other land available for this purpose; and, thirdly, we all believe that the rural people of today also know something about planting and they are experienced in soil preservation and soil erosion; and especially when they are instructed to do so they will probably stick to the advice they are given. Lastly, but not the least, we still have got to fulfil our pledge that we want to raise the economic position of the rural people. So with these points in support of my appeal, I hope the Minister will very soon send one of the scientists to re-investigate this area to see what remedy can be effected. I am sure the people in these two places would be very pleased if we carry out this investigation. I don't mind to bring to the notice of the Minister that the same thing applies to the Jerokoh area and in the District of Kuala Lipis—and there we have one area where we are supposed to alienate about two thousand acres of land, but due to the steepness of the area, only about three hundred acres are available. So the people there are also making an appeal to the Ministry concerned.

I come down to page 43, College of Agriculture and Agricultural Schools. In regard to the College of Agriculture, I think I did make an appeal last year to the Minister to see if there is any possibility to open seats to private students; so far as I know, only scholarship students are catered for in this College. I have in mind especially those students—and we have quite a lot of them—who have a great desire to study agriculture, but unfortunately some of them are not as lucky as others who get scholarships. We have a lot of Grade II students, who are very keen on agriculture and I hope the Minister will look into this matter. If it is a question of accommodation, and since we have been expanding a lot of other schools and universities, I think the College of Agriculture should also be expanded to cater for these private students.

Coming to page 43, again, under Publications Branch, I think I did say something about this at the last Budget meeting, about these publications. Yesterday, I think, one of the Honourable Members here also spoke saying that publications were not available in some of the agriculture offices. Here, I think we should have publications available, especially those concerning animal husbandry and rubber management and so forth in the different dialects; if we have those pamphlets in abundance we can distribute them to all these farmers especially those settlers in our new settlement areas. Sir, in the afternoon these people have nothing to do and so at least they can pick up the handbook and read it—and surely that will give them some guidance and provide a lot of interest in the agricultural field which will help them in their cultivation.

Now, I turn down to page 47. Here I am very happy to note that we have allocations for education schemes for Veterinary Training and Animal Husbandry and Veterinary Extension Field Branch. I feel here that we should congratulate the Minister for paying great attention to our Veterinary Department and I am sure it won't be long before we can achieve the target that we will be self-sufficient in meat production.

Here we have also Pullorum Eradication Scheme. It is to my humble knowledge that through this dreadful disease in our country, we have lost a lot of poultry. To carry out this pullorum scheme, I have a bit of information for the Minister and that is that once we begin to carry out this scheme, we have to carry out a test throughout the country once in every two years, or probably, if we could do it, once every year through the blood-testing of the poultry. It is no use testing for one or two years, then to leave it for a period and carry on again, because this will not do much good.

Now, I come to Veterinary Training and Animal Husbandry Education. I hope that under this scheme we will

be having a lot of courses in the countryside to stimulate the interest of the people in animal husbandry. Under Veterinary Extension and Field Branch, I think one of the Honourable Members—the Member for Sungei Patani—spoke yesterday regarding this and he regretted that these posts are only temporary posts. I think, Sir, if we want to make a success of this Veterinary Department in this country, it will be of great help to this Department if those posts could be maintained as permanent ones.

Sir, I still have got a few more points. One is about grazing reserve. I think we have not had much of these grazing reserves, especially those around towns and we still find quite a number of stray cows—I do not mind to say that this happens in the Capital itself. Though I think we have been doing a lot of dairy zoning, I think in big towns we should have more grazing reserves for stray cows to go to. Another thing is that these stray cows have caused a lot of traffic accidents and we have been having quite a lot recently.

Another matter which I would like to touch on is about this fish *tilapia*. I think the Honourable Member from Muar Utara mentioned yesterday the fish *tilapia* and that some of them sometimes are missing in the ponds in his constituency, because they have already gone to the River Nile and so forth. I had the privilege to be a fish farmer for a couple of years and I can say that if you were to rear the fish *tilapia*, within a space of only three months, you will not only find your fish missing but you will find that your fish is increased in number. The thing is that *tilapia* multiplies very, very quickly. Within a space of three months you will find that the whole pond will be swarming with this small fry. The Honourable Member said yesterday that the fish was missing from the pond. I think that the ghosts carrying out this work must be human ghosts (*Laughter*) or something of that sort.

A word about manila hemp on which my colleague from Lipis had

spoken yesterday, and so also had the Minister, when introducing this Head of expenditure—he had spoken of the possibility of manila hemp being utilised by smallholders. On this manila hemp, I had the privilege of visiting an estate in Pahang lately, and during my discussion with the Manager concerned, he told me that manila hemp could fetch a good income especially for the smallholders. He recommended to me that we can combine rubber planting with manila hemp—that is with interval cultivation of manila hemp in between the rubber trees: we have rubber rows of 30' and in between we can plant manila hemp. Manila hemp will come into production under good management at a stretch of about one year at the most; and given good husbandry the first crop of manila hemp could be harvested and if we had to start with rubber one year we will do our budding and there we already have our first crop of manila hemp and if we can carry on for two or three years, by the time we finish our manila hemp for three years, our rubber will be just catching up. I think there might be a possibility of combining both manila hemp and rubber in our cultivation.

Sir, I would like to say a few words about agricultural shows. We find that every year we have one big show called "MAHA" only in Kuala Lumpur. Here I would make an appeal to the Minister as to whether it might be possible for us to have agricultural shows in each District in the whole country. Because, as far as I know, in most of the western countries, they have these agricultural shows in each District once every year and these shows usually attract a good crowd and also arouse the interests of the farmers and the agriculturists and quite a lot of others.

About despatch of chickens to small farmers, I do not quite agree that this despatch of chickens to these farmers, as some of our Honourable Members mentioned, is a failure. Here, I have to say that during the time of despatch of these chickens, I think they are too small. If we could have them, say,

up to about eight weeks, probably we can lessen a lot of mortalities. As we get the chickens now, I think they are only three to four weeks. If we keep them for over four weeks, I think we can lessen the mortality rate and I quite agree with the Honourable Member for Temerloh that we should give these chickens to those who are interested in keeping the chickens. There is no use of giving something to somebody who is not interested, as they will just leave them to starve, and you will not get good results at all.

Lastly, but not the least, about the supply of budwood by the Agriculture Department. As we have heard and have seen a lot, I think most of the offices of the Agriculture Department in the country at present cannot cope with the supply of budwood to the smallholders. This has been experienced in the Districts of Bentong and Temerloh and I am really getting a bit worried, because in about a year's time we will have fringe alienation schemes ready for budding and I do not know whether the Minister is aware of this because during the time of budding in these schemes we need a lot of supply of budwood and I think we should do something about this, otherwise most of these smallholders will get their budwood from the other sources and because some of these sources are without recognised certificate issued to them from the Department of Agriculture during the time of tapping they will find great difficulty. That is all I have to say.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Saya hendak berchakap sedikit sahaja, kerana rakan saya telah banyak berchakap perkara tumbuhan dan lain² untuk kepentingan bagi pehak Kementerian ini. Apa yang saya hendak chakapkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah dalam pembangunan sharikat kerjasama, dan saya harap pehak Kementerian jangan pula salah

faham; kalau salah faham barangkali perkara ini tidak dapat di-kaji atau pun di-lanjutkan tujuan keterangan yang saya berikan. Ia-itu daripada apa yang sedang kita saksikan sekarang kemajuan sharikat kerjasama ini bolehlah di-hujong-nya kita mengambil satu keputusan atau kesimpulan ia-itu setengah²-nya maju, dan kita banyak mengalami kerugian atau pun menutup sharikat kerjasama ini. Tetapi walau bagaimana pun, tujuan sharikat kerjasama ini ia-lah menggalakkan, terutama sa-kali bagi pehak ra'ayat semua menaikkan taraf hidup-nya masing² dengan perantaraan atau pun dengan chara sharikat kerjasama.

Sa-bagai contoh-nya, saya dapat lihat kalau kita galakkan sharikat kerjasama ini hanya chara kechilan² di-kampung atau pun chara sa-takat ahli² itu sendiri di-kampung sahaja. Itu-lah yang kita temui beberapa kedai runchit sharikat kerjasama ini mati dan lain² lagi kerana putus tengah jalan. Contoh yang baik yang saya nampak ia-lah di-Melaka. Sharikat kerjasama ini menubuhkan sa-buah jentera mengilang padi ia-itu di-Batu Berendam. Tahun yang lepas mendapat untung sa-banyak \$50,000. Dalam hal ini juga saya rasa patut-lah Kementerian ini menyelideki sedikit, bila-kah masa-nya yang kita boleh membawa perniagaan orang Melayu ka-tengah bandar, kerana kalau kita galakkan mereka mendirikan kedai, akhir-nya kedai itu hapus atau pupus juga, sebab tidak dapat didekan atau pun tunjukkan daripada kita yang inginkan kemajuan.

Jadi, saya rasa kalau hendak di-majukan bersama²-lah kita dalam chara sharikat ini hendak memajukan ekonomi orang Melayu terutama sa-kali yang terang² tertinggal dalam tanah ayer kita ini patut-lah sharikat yang besar² saperti sharikat membawa masok beras atau pun sharikat kain baju mesti ada. Tetapi saya minta-lah supaya jangan Yang Berhormat Menteri itu sendiri menjalankan-nya saperti baja Urea. Ini susah sedikit dan berat. Kalau kita hendak buat bagitu saya rasa tentu-lah lambat. Tetapi

umpama sa-buah negeri di-tugaskan kepada pegawai dalam negeri ini meranchangkan hal negeri itu sahaja mithal-nya, boleh dia berkembang sa-hingga ka-kampong sa-terus-nya. Harus-lah pada masa akan datang satu daripada langkah kita maju kahadapan untuk membawa orang kita dalam hal perniagaan ini dapat di-salurkan dari-pada co-operative ini.

Jadi tidak banyak yang hendak saya chakapkan, tetapi walau bagaimana pun saya menguchapkan banyak terima kaseh kepada Kementerian ini, kerana banyak perkara² yang di-tunjokkan terutama sa-kali dalam kawasan saya di-Melaka, sama ada di-darat, di-sawah dan di-laut, ada di-tunjokkan dan sedang berjalan. Saya harap chara-nya biar-lah besar lagi supaya setuju dengan chara kita dan zaman sekarang untuk hendak menaikkan taraf hidup orang kita dan memimpin orang Melayu masok dalam lapangan perniagaan, biar-lah sa-chara besar²an. Jadi co-operative ini modal-nya kita boleh keluarkan sa-orang sadikit, tidak-lah saperti company, kalau hendak menubuhkan company, barang-kali orang kita tidak sanggup hendak mengeluarkan modal. Jadi dengan jalan ini dapat-lah di-timbang atau di-fikirkan oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah saya dengar Ahli² Yang Berhormat telah memberi ucapan terima kaseh dan ucapan tahniah terhadap Yang Berhormat Menteri Pertanian ini. Tetapi bagi pehak saya atas nama wakil ra'ayat Kubang Pasu Barat belum lagi masanya hendak memberi ucapan terima kaseh kerana bukan-lah sebab-nya tidak ada kemajuan atau pun lebeh² lagi bantuan yang telah di-berikan kepada pehak sa-tengah² ra'ayat di-kawasan saya itu. Tetapi oleh kerana pada masa ini saya faham belum ada lagi satu ranchangan yang memberikan fa'edah kepada penduduk² dalam kawasan saya terutama sa-kali dalam soal ternakan dan bertanam padi dalam

Kubang Pasu Barat. Dalam daerah itu, kita tahu beberapa banyak perusahaan yang besar² dan lagi parit² dan tali ayer yang memakan belanja yang banyak tetapi hingga hari ini di-sana maseh banyak lagi hutan. Ra'ayat di-sana berkehendakkan kepada Kementerian ini supaya hendak di-jadikan kawasan itu sa-bagai kawasan bertanam padi dua kali sa-tahun bagi orang bendang. Saya fikir pada masa sekarang ini di-tepi² terusan itu sa-jauh boleh di-katakan 10 atau 15 ekar di-kelilingi oleh semak dan tempat² itu patut-lah di-galakkan lagi petani² bertanam padi dua kali sa-tahun. Sunggoh pun ada ranchangan yang akan makan belanja beratus million ringgit untuk kawasan Kubang Pasu saperti Drainage and Irrigation Scheme bagi kawasan bertanam padi dua kali sa-tahun. Saya fikir elok-lah pada masa sekarang ini di-chuba dahulu dengan di-beri kepada orang² bendang yang dekat² dengan terusan itu bertanam padi dua kali sa-tahun.

Dan lagi berhubung dengan terusan ini juga, saya dapati memang-lah bagi pehak Kementerian ini hendak menggalakkan ternakan saperti ikan dan sa-bagai-nya di-dalam kawasan ini. Jadi, saya fikir elok-lah dalam kawasan ini kalau boleh Kementerian ini memelihara udang² galah dalam terusan² itu. Sebab apa, kalau udang² di-masokkan di-terusan itu maka dapat-lah orang² di-sana menjadikannya sa-bagai satu mata pencharian boleh menjual udang² ini kepada orang lain pula. Kerana pada masa ini sunggoh pun saya perchaya ada orang² yang dudok chari makan dengan jalan itu tetapi belum banyak lagi udang dari terusan tersebut.

Yang kedua-nya, ada-lah berhubung dengan muka 45. Dalam muka 45 berkenaan dengan Temporary Posts for Rural Development Projects. Saya tidak tahu sa-takat mana Kementerian ini memberi peluang tentang perkara ini. Sebab apa, dalam meshuarat Jawatan-Kuasa Luar Bandar bagi peringkat jajahan selalu ranchangan yang kita kemukakan project² baharu

dalam meshuarat itu mendapat halangan atau tentangan daripada Engeener Pejabat Drainage and Irrigation, tidak sanggup menerima project² yang baharu kerana kekurangan kaki-tangan. Jadi, ini sebab-nya tertinggal sadikit ranchangan² yang kecil. Saya bagi mithalan, umpama di-dalam kawasan saya ini hendak di-buat 10 atau 11 titi dan peruntokan-nya sa-banyak \$50,000 bagi membena titi² itu. Oleh kerana kaki-tangan D.I.D. ini tidak chukup maka tidak dapat-lah hendak di-adakan plan untuk titi² di-kawasan itu kerana tender titi² itu di-hujong tahun baharu hendak di-keluarkan. Manakala tender di-buat di-hujong tahun memang-lah contractor² hendak buboh tender yang lebeh tinggi. Jadi, kerana terimakan tender yang tinggi dalam \$50,000 boleh di-estimatekan 10 titi, maka di-turunkan hingga 8 atau 7 titi ini menjadi kerugian kapada ra'ayat. Patut-lah pehak Kementerian ini mengambil perhatian di-atas perkara ini. Saya harap pada tahun ini tidak jadi sa-macham itu lagi. Project ini patut-lah di-buat awal tahun ini juga dan tender itu di-keluarkan.

Dan lagi saya perchaya-lah pehak Kementerian ini tidak akan lupa memberi peluang kapada Kennedy's Peace Corps yang 36 orang itu di-atas perkara ini. Saya harap Kementerian ini akan memberi peluang kapada pegawai² itu berkhidmat kapada project² yang besar dalam kawasan sana.

Satu lagi berkenaan dengan sharikat, saya perchaya-lah juga sharikat ini dalam kawasan saya tumbuh macham chendawan. Jadi, jika sa-kira-nya pegawai² dari Kementerian ini ada menggalakkan barangkali soal chara² pentadbiran dengan tujuan menaikkan taraf sharikat tersebut di-harap pehak Kementerian ini dapat memberikan satu kawalan atau pun penerangan yang lebeh dalam lagi bagaimana menanam modal dalam sharikat itu. Saya dapat tahu sampai 150 million ringgit boleh di-gunakan wang itu tetapi fa'edah-nya tidak dapat bagi orang² dalam kawasan luar bandar.

Memang-lah tujuan sharikat ini untuk meminjamkan duit terutama sa-kali kapada Sharikat Kilang² Kechil. Saya dapat tahu Sharikat Kilang Kechil banyak juga dalam kawasan saya. Jadi, saya harap pada satu masa nanti Kementerian ini mengumpulkan kilang² kechil ini dan di-jadikan persatuan. Mudah²an dengan ada persatuan itu dapat-lah juga Kerajaan Persekutuan memberi bantuan dengan chara modal yang besar itu dan boleh-lah mereka membeli padi. Pada masa sekarang ini kilang² kechil chuma menjalankan perusahaan untuk mengisar padi hendak di-jadikan beras. Jadi, harap-lah pada satu masa nanti pegawai² daripada bahagian Sharikat ini menasehatkan bagaimana satu² Sharikat Kilang Kechil itu dapat membuat persatuan di-bawah satu anjoran yang tertentu supaya boleh membeli padi² sama dengan kilang² yang besar yang ada sekarang ini. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini juga mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini sambil menguchapkan berbanyak² terima kasih di-atas perjalanan Kementerian ini terutama sa-kali mengenai parit dan tali ayer yang berlaku di-negeri Perlis sana. Apa yang saya suka sebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan College Tanam²an yang mana saya telah berpeluang baharu² ini melawat "Kebun Pak Awang" di-College sana dan Penyelia-nya telah membawa saya berjalan memerhatikan soal² tanaman yang telah di-jalankan di-sana. Saya sangat² tertarek hati kapada beberapa perkara atau pun jenis² tanam²an yang mana telah di-chuba di-sana terutama sa-kali.....

Mr. Speaker: The time is up.

ADJOURNMENT

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu perbincangan di-atas perkara

yang di-hadapan Dewan ini di-tanggohkan kapada satu hari yang lain, dan Dewan ini di-tanggohkan sekarang. Saya perchaya usul ini dapat sokongan daripada semua Ahli² Yang Berhormat.

Dato' V. T. Sambanthan: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Adjourned at 1.00 p.m.